

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SAW211 - Perhubungan Industri/
SAW210 Sosiologi Industri

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Bahagian A adalah WAJIB dijawab dan pilih DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A: Wajib dijawab

1. Terangkan maksud kepada konsep Pengasingan (alienation) dan kenapa ianya wujud dalam tempat kerja dan masyarakat industri? Apakah ciri-ciri alienasi ini dan kesan-kesannya di tempat kerja? Beri cadangan-cadangan untuk mengatasi alienasi di tempat kerja.
(40 markah)

Bahagian B: Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Apakah punca utama konflik di tempat kerja? Cara apakah yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menyelesaikan konflik ini? Beri juga tren kenaikan atau kemerosotan konflik industri ini sejak enam puluhan sehingga hari ini dan beri beberapa contoh-contoh utama kes-kes konflik yang pernah berlaku.
(30 markah)

...2/-

3. Kewujudan Akta Keselamatan dan Kesihatan Industri (OSHA-1994) memberi maksud yang Kerajaan mementingkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Apakah penekanan dalam Akta tersebut dan kelemahan-kelemahan yang wujud? Terangkan tren kesihatan dan keselamatan sejak tahun tujuh puluhan sehingga hari ini dan punca-punca utama kemalangan dan gangguan kesihatan di tempat kerja.
- (30 markah)
4. Ternyata sekarang yang kemerosotan ekonomi telah membawa banyak masalah bagi pekerja. Apakah masalah utama yang dihadapi pekerja sekarang ini dan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan, majikan dan kesatuan sekerja untuk membela nasib pekerja? Cadangan-cadangan yang diberi perlulah munasabah.
- (30 markah)
5. Kesatuan dalaman membawa bentuk perjuangan yang berlainan bagi banyak ahli kesatuan sekerja. Mengapakah Kerajaan menggalakkan kesatuan dalam sejak tahun lapan puluhan sehingga kini? Apakah kesannya ke atas kesatuan sekerja, perjuangan pekerja, hubungan industri dan komposisi pemimpin dan ahli kesatuan sekerja? Bagaimanakah masa depan hubungan industri antara majikan dan kesatuan sekerja? Beri beberapa contoh yang sesuai yang menggambarkan kesatuan sekerja yang berlainan di negara ini.
- (30 markah)